



KENYATAAN MEDIA MENTERI KANAN PERTAHANAN

27 MEI 2021

MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) & PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Dalam usaha membendung penularan COVID-19, kerajaan telah menggariskan beberapa kaedah yang perlu dipatuhi orang ramai termasuk merekod butiran diri atau daftar ketika memasuki mana-mana premis.

Tapi malangnya, amalan ini masih lagi tidak dipandang serius oleh segelintir masyarakat sehingga kesalahan ini telah merekodkan angka tertinggi sejak kebelakangan ini.

Dalam tempoh lima hari sehingga 27 Mei 2021, sebanyak 941 kesalahan telah direkodkan dalam Operasi Pematuhan, Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.

Merekod butiran diri atau daftar masuk ke dalam mana-mana premis amat penting bagi mencegah penularan COVID-19 dan ianya merupakan salah satu strategi norma baharu yang harus diamalkan oleh semua orang.

Jika berlaku penularan kes, pihak berkaitan terutama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mudah untuk berhubung dengan individu sekali gus mengurangkan penularan kepada orang lain.

Selain, itu, kesalahan tiada penjarakan fizikal turut mencatatkan peningkatan kes dalam tempoh sama iaitu 767 secara kumulatifnya.

Penjarakan fizikal sememangnya sukar diamalkan di kawasan yang sesak dan sempit, namun mengambil iktibar daripada kejadian kluster-kluster sebelum ini, masyarakat dinasihatkan untuk akur dan patuh kepada nasihat yang diberikan. Ini bagi mengurangkan risiko jangkitan di dalam komuniti.

Justeru, orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi SOP supaya penularan wabak ini dapat dielakkan.

PKPD Mukim Sitiawan, Manjung, Perak

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 dalam Mukim Sitiawan, Manjung, Perak yang melibatkan:

- Sitiawan
- Seri Manjung
- Ayer Tawar

Sehingga kini, KKM mengesahkan Mukim Sitiawan telah mencatatkan 135 kes semasa dalam tempoh 10 Mei sehingga 23 Mei 2021 sekali gus menyumbang sebanyak 58.7% kes di daerah Manjung.

Selain itu, berlaku peningkatan kes secara mendadak dalam kawasan berkepadatan tinggi serta jangkitan dalam komuniti di mukim ini yang melibatkan Pekan Sitiawan, Pekan Ayer Tawar, Pekan Kg Koh, Pekan Pasir Panjang dan Bandar Seri Manjung.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Mukim Sitiawan, Manjung, Perak berkuat kuasa 29 Mei sehingga 11 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD dapat mengurangkan pergerakan penduduk dalam dan luar mukim, mengelak penularan kes import dan seterusnya mengurangkan risiko penularan di kalangan komuniti setempat.

PKPD 3 lokaliti di Bera, Pahang

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di tiga (3) lokaliti dalam daerah Bera, Pahang yang melibatkan:

- Bandar Triang
- Pekan Kemayan
- Gugusan Mendi

Berlaku peningkatan kes amat ketara apabila sebanyak 76 kes positif telah direkodkan hasil daripada 1,258 ujian saringan yang dilakukan oleh KKM dengan kadar positiviti 6%.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di tiga mukim seperti dinyatakan berkuat kuasa 29 Mei sehingga 11 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD membolehkan KKM menjalankan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin serta menyekat penularan kes ke lokaliti lain.

PKPD Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu.

KKM mendapati berlaku peningkatan kes amat ketara dalam masa yang singkat apabila sebanyak 37 kes positif telah direkodkan hasil daripada 213 ujian saringan dengan kadar positiviti 17.4%.

Pada masa sama, telah berlaku penularan kes di semua lokaliti dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu, Terengganu berkuat kuasa 29 Mei sehingga 11 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD untuk menyekat pergerakan dan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

PKPD Kampung Baru Durok, Keningau, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan perkembangan terkini kes COVID-19 di Kampung Baru Durok, Keningau, Sabah.

Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 158 ujian saringan dan sebanyak 28 kes positif direkodkan dengan kadar positiviti ialah 17.72% di lokaliti tersebut.

KKM mendapati berlaku peningkatan kes amat ketara dalam masa yang singkat dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Baru Durok, Keningau, Sabah berkuat kuasa 29 Mei sehingga 11 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD untuk menyekat pergerakan penduduk serta mengekang penularan wabak COVID 19 ke luar kawasan.

PKPD Kampung Mook, Kinarut, Papar, Sabah

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Mook, Kinarut, Papar, Sabah.

Sehingga kini, sebanyak sembilan (9) kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 35 ujian saringan dilakukan oleh KKM dengan kadar positiviti ialah 25.7%.

Pada masa sama, telah berlaku penularan kes di semua lokaliti dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.

Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Mook, Kinarut, Papar, Sabah berkuat kuasa 29 Mei sehingga 11 Jun 2021.

Pelaksanaan PKPD untuk menyekat pergerakan dan jangkitan COVID-19 dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

SOP bagi kesemua PKPD adalah sama seperti yang diumumkan sebelum ini. Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang MKN di www.mkn.gov.my

Task Force Operasi Pematuhan

Task Force Operasi Pematuhan yang diketuai Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melakukan 69,872 pemeriksaan semalam.

Ia melibatkan 3,717 Pasukan Pematuhan yang terdiri daripada 15,101 anggota bagi memantau dan menguatkuasakan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Semalam, 724 individu ditahan atas kesalahan ingkar SOP. Daripada jumlah itu, seramai 712 individu dikompaun manakala 12 lagi direman.

Antara kesalahan direkodkan ialah:

- Tiada penjaraikan fizikal (227)
- Gagal merekod butiran diri/daftar masuk premis (148)
- Tidak memakai pelitup muka (130)
- Tidak patuh arahan kawalan pergerakan (68)
- Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran (63)
- Lain-lain (88)

Kawalan Sempadan Negara

Operasi BENTENG (Op BENTENG) semalam telah menangkap tiga rakyat tempatan dan merampas tiga (3) buah kenderaan darat.

Dalam operasi itu juga, sebanyak 177 buah bot/kapal turut dikesan di perairan negara melalui 10 aktiviti penglihatan.

Seramai 15 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) turut diusir menerusi dua aktiviti pengusiran.

Op BENTENG melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Agensi Keselamatan Sempadan Malaysia (AKSEM) serta agensi-agensi keselamatan lain turut menjalankan 585 Sekatan Jalan Raya (SJR) semalam iaitu:

Op PENAWAR (ATM, PDRM dan RELA)	- 532 SJR
Op BENTENG PDRM	- 44 SJR
Op BENTENG AKSEM	- 9 SJR

Operasi Sanitasi Awam

Semalam, sebanyak 179 operasi sanitasi dilakukan meliputi 67 zon merah, zon jingga (2) dan zon kuning (8) di seluruh negara.

Operasi sanitasi ini melibatkan 943 anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan 204 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta 216 buah jentera JBPM.

Secara kumulatifnya, sebanyak 25,010 operasi sanitasi yang merangkumi 156 zon telah dilakukan sejak 30 Mac 2020. Operasi sanitasi melibatkan pusat perniagaan, kawasan perumahan termasuk Projek Perumahan Rakyat (PPR), tempat awam, pasar raya dan bangunan kerajaan.

Kuarantin Wajib

Semalam, seramai 556 individu tiba di semua pintu masuk antarabangsa dan semuanya telah dikuarantin di stesen-stesen kuarantin di seluruh negara.

Secara kumulatifnya, sejak 24 Julai 2020, seramai 212,417 individu telah pulang ke tanah air dan kesemua ditempatkan di 77 hotel dan 11 Institut Latihan Awam (ILA) serta Institut Pengajian Swasta di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, seramai 8,230 individu telah dikuarantin dan 202,005 orang dibenarkan pulang manakala 2,182 lagi dibawa ke hospital.

Barang Keperluan Asas

Pemantauan serta pemeriksaan oleh anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di peringkat peruncit dan pemborong mendapati bekalan makanan adalah stabil dan mencukupi.

Semalam, KPDNHEP telah membuat 687 pemantauan harian ke atas 11 jenis bekalan barang terdiri daripada peruncit (498), pemborong (158) dan pengilang (31).

KPDNHEP juga telah melakukan 1,763 pemeriksaan khas dan mendapati semua premis mematuhi SOP.

Saringan Wajib Pekerja Warga Asing

Semalam, seramai 219 warga asing telah menjalani ujian saringan dan tiada kes positif COVID-19 dilaporkan.

Secara kumulatifnya, Kementerian Sumber Manusia (KSM) memaklumkan seramai 697,705 pekerja warga asing telah menjalani ujian saringan COVID-19 yang melibatkan 36,087 majikan.

Daripada jumlah itu, seramai 10,319 orang telah disahkan positif COVID-19 manakala 687,391 lagi adalah negatif. Sehingga kini, sebanyak 1,544 buah klinik telah terlibat dengan program saringan ini.

Seperti yang telah diumumkan, ujian saringan COVID-19 adalah diwajibkan kepada semua pekerja warga asing mulai 1 Februari 2021.

**YB DATO' SERI ISMAIL SABRI YAAKOB
MENTERI KANAN PERTAHANAN**